

28 SEP 2001

Najib-Sarawak

RAKYAT SARAWAK TOLAK ISU YANG TIADA KAITAN DENGAN MEREKA - NAJIB

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Kejayaan cemerlang Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya negeri Sarawak semalam adalah disebabkan keyakinan rakyat terhadap dasar-dasar parti itu yang boleh membawa masa depan yang lebih terjamin, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Keputusan itu juga menunjukkan bahawa sebarang fahaman yang cuba dibawa, atau isu-isu yang tidak ada kaitan dengan rakyat negeri Sarawak, ditolak dengan bulat, katanya mengulas keputusan pilihan raya ke-8 Sarawak yang BN memenangi 60 daripada 62 kerusi yang dipertandingkan. DAP dan bebas masing-masing memenangi satu kerusi.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata: "Ini dapat dilihat dengan jelas apabila PAS dan Keadilan telah di tolak oleh rakyat negeri Sarawak."

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran buku "Malbatt dan Malcon di Bosnia Herzegovina: Imbasan Kembali" oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Katanya, walaupun pada peringkat awal terdapat desas-desus isu-isu yang dibangkitkan, tetapi jelas sekali bahawa rakyat negeri Sarawak cukup matang dan cukup bijak membuat keputusan mengikut kepentingan masa depan mereka sendiri.

Najib berkata keputusan itu juga menunjukkan bahawa rakyat memilih sebuah kerajaan yang boleh bekerjasama begitu baik dengan kerajaan pusat dan ini sekali gus memperlihatkan keyakinan mereka terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku pengerusi BN.

"Begitu juga dengan kepimpinan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang begitu baik sekali dan kerana itu ia perlu diteruskan demi masa depan yang lebih hebat," tambahnya.

Katanya keputusan ini juga mencerminkan bahawa konsep perpaduan yang telah diamalkan oleh BN di kalangan pelbagai kaum dan suku kaum di Sarawak diterima oleh rakyat.

Sementara itu, dalam ucapannya pada majlis itu, Najib berkata Malaysia dengan dorongan Perdana Menteri telah menyuarakan pandangannya di forum-forum antarabangsa mengenai penganiayaan sejagat.

Katanya atas ketegasan prinsip inilah negara telah bersetuju menghantar pasukan pengaman bagi menyelesaikan konflik di negara Balkan itu.

-- BERNAMA

HT KHY ZB